

SESI DIALOG KETUA SETIAUSAHA NEGARA WARGA ATM



airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3290-sesi-dialog-ketua-setiausaha-negara-warga-atm

PORT DICKSON, 5 Apr 18 - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa hari ini telah mengadakan lawatan dan sesi dialog bersama warga ATM bertempat di Dewan Serbaguna, Kem Segenting Negeri Sembilan.

Moderator bagi Sesi Dialog ini ialah Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor. Dalam sesi dialog, KSN telah memperjelaskan beberapa dasar semasa Kerajaan termasuk beberapa pengumuman oleh YAB Perdana Menteri dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam, semalam.

Turut hadir AKS Kejuruteraan, Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM; Ketua Pengarah Sekretariat, Brig Jen Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM serta pegawai dan anggota TUDM yang bertugas di Port Dickson.



